

Aidilfitri @UniMAP Meriah



KANGAR, 27 September 2010 - Aidilfitri @ UniMAP merupakan acara tradisi universiti setiap kali menjelang Syawal. Untuk tahun ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan tiga Majlis Sambutan Aidilfitri @UniMAP.



Majlis di Kampus Kubang Gajah pada 26 September 2010 telah dihadiri lebih tiga ribu tetamu termasuk kakitangan, para pelajar, Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Masyarakat setempat.

Turut hadir memeriahkan majlis pada malam itu adalah Yang Berhormat Tuan Sabry Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis dan Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.



Manakala majlis di Palace Of Golden Horses, Kuala Lumpur pada 5 Oktober 2010 dan majlis di Anjung Kulim UniMAP pada 7 Oktober 2010 diadakan bertujuan untuk meraikan pihak industri di bahagian utara, tengah dan selatan tanahair.

Selain menjamu selera, pelbagai persembahan menarik turut disajikan oleh Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP, para pelajar antarabangsa, pihak pengurusan tertinggi, PISKANITA, dan pihak media.